

Received: 19 December 2020; Accepted: 23 December 2020

Interaksi Sosial Terhadap Ahli Bidaah Menurut *Kitab Sabil Al-Muhtadin*

Muammar Ghaddafi bin Hanafiah

Email: muammar@ukm.edu.my

Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM

Abstrak

Kitab *Sabil al-Muhtadin* karya Arsyad al-Banjari memiliki banyak keistimewaan. Selain berjasa menaiktarafkan tatacara peribadatan orang Melayu, pemikirannya juga berjasa membentuk tatacara interaksi sosial yang ideal kepada mereka. Maka kajian ini cuba menelusuri salah satu dari aspek interaksi sosial darinya dengan menumpu kepada ahli bidaah. Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti bentuk-bentuk interaksi sosial terhadap ahli bidaah dan untuk menganalisis nilai-nilai kemasyarakatan di dalamnya. Kajian ini adalah kajian kualitatif. Kaedah perpustakaan digunakan sepenuhnya. Teknik pembacaan rapi dilakukan ke atas teks *Sabil al-Muhtadin* bagi mendapatkan data yang mengandungi dasar interaksi sosial terhadap ahli bidaah. Data dianalisis menggunakan konsep interaksi sosial dalam Islam yang luas. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat kira-kira lapan bentuk interaksi sosial terhadap ahli bidaah seperti tidak berimamkan kepada ahli bidaah dalam solat jamaah, tidak menziarahi pesakit atau jenazah dari kalangan ahli bidaah, tidak menceritakan petanda baik yang terlihat pada jenazah ahli bidaah, tidak membenarkan ahli bidaah memandikan jenazah orang Islam, menyelamatkan kubur dari amalan ahli bidaah, menyelamatkan jenazah dari dihina oleh ahli bidaah, tidak memenuhi jemputan ahli bidaah dan tidak melaksanakan wasiat ahli bidaah. Hasil kajian menjelaskan kesan dari semua interaksi sosial tersebut meluputkan beberapa hak sosial dari ahli bidaah seperti hak imamah dalam solat jamaah, hak muslim ke atas muslim lain, hak menjaga kerahsiaan muslim, hak kebaktian sosial, hak kebebasan bertindak mengamalkan kepercayaan diri, hak kesetiaan waris terhadap wasiatnya dan hak dihormati wasiatnya. Implikasi kajian ini terserlah pada keberadaan konsep interaksi sosial Islam yang ideal dalam tatasusila berinteraksi masyarakat Melayu khasnya terhadap ahli bidaah.

Kata kunci: *Bidaah, Interaksi Sosial, al-Banjari, Sabil al-Muhtadin, Melayu.*

Social Interaction towards Bid'ah Members According to the *Sabil Al-Muhtadin*

Abstract

Sabil al-Muhtadin by al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari has many privileges. Besides upgrading the Malays' worship procedures, his thoughts also gave them the ideal social interaction procedures. This study will examine one of the aspects of social interaction with a focus on bid'ah members. The purpose of the study is to identify the forms of social interaction with bid'ah members and analyse the social values in it. In terms of methodology, this study is a qualitative study by using the library method. Intensive reading techniques were carried out on the text of *Sabil al-Muhtadin* to obtain data that contains the basis of social interaction with bid'ah members. Data were analysed using the broad concept of social interaction in Islam. The findings of the study show that there are about eight forms of social interaction with bid'ah members such as not leading the bid'ah members in congregational prayers, not visiting patients or corpses from among bid'ah members, not telling the good signs seen on the corpses of bid'ah members, not allowing bid'ah members to bathe the corpses of Muslims, save the grave from the practice of bid'ah members, save the corpses from being insulted by bid'ah members, do not fulfil the invitations of bid'ah members and do not carry out the will of the bid'ah members. The results of the study explain the effects of all these social interactions depriving some of the social rights of bid'ah members such as the right of imamah in congregational prayers, the right of Muslims over other

Muslims, the right to maintain Muslim secrecy, the right to social devotion, the right to freedom of practice, the right of heirs' loyalty to his will and the right to respect his will. The implications of this study highlighted the existence of the concept of an ideal Islamic social interaction in the ethics of Malay interaction especially against bid'ah members.

Keywords: *Bid'ah, Social Interaction, al-Banjari, Sabil al-Muhtadin, Malays*

1. Pengenalan

Kewujudan bidaah dan ahlinya dalam sejarah peradaban Melayu Islam telah lama diketahui. Muammar Ghaddafi (2019) telah menjelaskan bahawa bidaah terawal dalam sejarah pemikiran Melayu datang dari pengaruh Syiah. Bidaah juga sering dikaitkan dengan pembawaan dari falsafah dan pemikiran tasawwuf dan tarekat sufi yang terlalu seni dan sulit untuk difahami seperti konsep Wahdatul wujud, Nur Muhammad dan Martabat Tujuh. Bagaimanapun keberadaan ulama pembaharuan sepanjang zaman antaranya al-Shaikh Muhammad Arsyad al-Banjari di tengah-tengah masyarakat menjadikan keadaan masyarakat dapat diselamatkan. Al-Banjari dalam *Tuhfat al-Raghabin*, antaranya telah menyenaraikan golongan ahli bidaah dengan jelas. Dalam situasi dan kondisi sebenar kehidupan, kedapatan ahli bidaah yang masih tersembunyi sifatnya dan ada pula yang zahir keadaan dan ciri-cirinya. Akan tetapi dengan adanya pengaruh kuasa politik, ekonomi atau status sosial yang tinggi lagi dihormati segalanya memungkinkan bagi ahli bidaah jika mereka ada memiliki untuk mencampuri segala urusan masyarakat tanpa sekatan sedang masyarakat rata-rata belum benar-benar memahami mereka. Maka sebagai pelengkap kepada segala yang dijelaskan dalam *Tuhfat al-Raghabin*, al-Banjari dalam *Sabil al-Muhtadin* dijangka menerapkan pelbagai bentuk dan jenis interaksi sosial terhadap pendukung bidaah khasnya apabila mereka melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan masyarakat.

2. Literatur Kajian

Kajian mengenai *Sabil al-Muhtadin* karya Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari amat banyak dilakukan. Antara kajian mutakhir dan komprehensif ialah kajian yang dilakukan oleh Muammar Ghaddafi tahun 2015 yang menganalisis pemikiran al-Banjari khasnya dari sudut penjagaan kualiti fekah Mazhab Syafie dan pengimplementasianya dalam masyarakat Melayu. Namun begitu kajian secara khusus mengenai persoalan bidaah yang diutarakan oleh al-Banjari dalam *Sabil al-Muhtadin* belum dibuat.

Dimensi ini luas dan harus dijadikan skop kajian terkini. Ia boleh melengkapkan kajian terdahulu berkaitan bidaah menurut al-Banjari yang dikemukakan oleh Abdul Basit, tahun 2010 dari UIN Sunan Kalijaga, Indonesia, dalam tesisnya yang berjudul Konsep Bid'ah Tradisi Memberi "Sasajen" Dalam Kitab *Tuhfat al-Raghabin fi Bayan Haqiqat Iman al-Mu'minin wa Ma Yufsiduh min Riddat al-Murtaddin* Karya Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (1122-1227 H/1711-1812 M) (*Tahqiq wa Dirasah*). Menurutnya, kitab al-Banjari ini merupakan kitab terawal orang Melayu dalam membicarakan konsep bidaah.

Tambahan pula terdapat beberapa kajian sebelum ini yang telah menyentuhnya polemik al-Banjari dengan Datu' Abulung. Datu' Abulung akhirnya dijatuhkan hukuman mati oleh pemerintah Banjar sewaktu al-Banjari menjadi mufti kerajaan Banjar. Kesnya hampir tidak berbeza dengan kes Bistami atau Ibn al-'Arabi atau al-Hallaj atau al-Jili atau Siti Jenar atau Hamzah Fansuri atau Shams al-Din al-Sumatrani. (Muammar Ghaddafi 2015) Apapun kesudahannya, kes Datu' Abulung ini dapat menunjukkan secara tidak langsung contoh praktis paling getir dalam sejarah kehidupan al-Banjari sendiri menyentuh cara beliau melaksanakan interaksi sosial dengan Datu' Abulung demi mengekang dari terjadi fitnah dan bidaah.

Oleh itu, sebagai permulaan, kajian kali ini menumpu kepada aspek interaksi sosial terhadap ahli bidaah menerusi pemikiran al-Banjari dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian perpustakaan dengan teknik bacaan rapi dilakukan ke atas teks *Sabil al-Muhtadin* bagi mendapatkan data utama. Fokus kajian adalah pada bentuk dan jenis interaksi sosial terhadap ahli bidaah yang dikemukakan oleh al-Banjari dalam teks *Sabil al-Muhtadin*. Data dianalisis menggunakan konsep interaksi sosial Islam pada asasnya dan disesuaikan dengan realiti budaya Melayu.

4. Konsep Interaksi Sosial Islam

Menurut Soerjono (2012), “Interaksi sosial adalah hubungan-hubungan sosial yang dinamis, yang menyangkut hubungan antara kelompok, antara individu, antara kelompok manusia serta antara perorangan dan kelompok manusia” Dengan ini interaksi sosial berperanan dalam aktiviti atau proses membina dan menjaga hubungan antara etnik-etnik dalam masyarakat majmuk atau hubungan lintas agama seperti interaksi masyarakat Islam dan Kristian yang perlu menjalani kehidupan bersama sebagai sebuah masyarakat demi kelangsungan dan keperluan kehidupan.

Dari perspektif ini, Islam tidak ketinggalan dalam menetapkan pelbagai adab dan peraturan sesuai dengan sifat kesejahteraan dan ketoleransian yang sangat unggul dan dinamik. Islam bermatlamat memakmurkan kehidupan fizikal di samping mengutamakan pembangunan spiritual demi mencapai kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Asas interaksi sosial dalam Islam antaranya ialah firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَرَّةٍ وَأَنْتُمْ جَنَاحَاتٌ مُشْعُورًا وَقَبَائِلَ لِتَعْرِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاقَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْمٌ حَسِيرٌ (13)

(al-Hujurat: 13)

Maksudnya: Wahai segala manusia Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu saling berkenalan sesungguhnya orang yang paling mulia dalam kalangan kamu di sisi Allah adalah orang paling bertakwa sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengerti.

Sementara dari sumber hadis nabawi, Abu Hurairah r.a mengatakan bahawa sabda Rasulullah S.A.W:

حَقُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَمْسٌ رُدُّ السَّلَامِ وَعِيَادَةُ الْمَرِيضِ وَاتِّبَاعُ الْجَنَاثَرِ وَإِحْاجَةُ الدَّعْوَةِ وَتَشْمِيمُ الْعَاطِسِ

(Riwayat al-Bukhari, bil. hadith 1240, Muslim, bil. hadith 1240 dlm. *al-Durar al-Saniyyah*, 1441H)

Maksudnya: Hak muslim ke atas muslim lima: menjawab salam, menziarahi yang sakit, mengikuti jenazah (ke kubur), memenuhi undangan dan mengucap doa kepada yang bersin.

Selain di atas, banyak lagi dari nas dari al-Quran dan Hadis yang menekankan pelbagai aspek interaksi sosial boleh dirujuk untuk mendapatkan konsep dan falsafah interaksi sosial dalam Islam. Islam lengkap menyusun ‘habl min Allah’ dan ‘habl min al-nas’ demi kelangsungan dan kesejahteraan manusia. Bahkan hubungan antara orang Islam dengan orang bukan Islam sama ada di peringkat individu atau komuniti atau antara suku, kaum, bangsa serta antara gender dan status sosial. Bahkan Islam juga mengatur tatacara interaksi sosial yang khusus dengan golongan seperti orang fasik, ahli bidaah, orang zalim, munafik dan murtad.

5. Dapatan dan Perbincangan

Setelah ditelusuri teks *Sabil al-Muhtadin*, diperoleh lapan pernyataan yang dapat dintrepetasikan membawa bentuk interaksi sosial dengan ahli bidaah. Ia adalah seperti di bawah:

a. Tidak Berimamkan kepada Ahli Bidaah dalam Solat Jamaah

Al-Banjari menyebut Bab Solat al-Jama'ah, Juzuk 2, hlm. 39:

Transliterasi: Makruh berimam dan mengikuti orang yang ahli bidaah yang belum mencapai tingkat kafir sekalipun tidak ada orang lain yang akan dijadikan imam. Syekh Azra'i berkata haram bagi orang yang dikenal alim mengikuti ahli bidaah kerana nantinya orang awam mengakui perbuatan bidaah yang dibuat orang itu. Sedang ahli bidaah yang sudah mencapai darjah kafir seperti orang yang mengatakan bahawa Allah hanya mengetahui yang *kulliyat* (asal kejadian saja) tetapi tidak mengetahui *juz iyyat* (perbuatan selanjutnya), orang yang mengatakan Allah tidak ada dan mereka

yang mengingkari adanya hari kebangkitan dari kubur dan berhimpunnya manusia di padang Mahsyar. Dan golongan mujassimah dan yang meyakinkan Allah mempunyai tempat maka tidaklah sah solat mengikuti mereka itu. (Asywadie, 2008, 2: 626)

Jelas sekali berimam kepada ahli bidaah sangat berbahaya walaupun ahli bidaah itu belum dihukumkan kafir dengan bidaahnya. Maka lebih-lebih lagi berat larangan apabila ahli bidaah itu dari kategori mereka yang menjadi kafir kerana bidaahnya. Ini bermaksud dalam konteks interaksi sosial, segala ahli bidaah tidak harus dicalon atau diangkat sama sekali menjadi imam. Masyarakat pula dari lapisan yang tidak alim dan terutamanya goklongan yang alim tidak boleh menyokong pencalonan ahli bidaah sebagai imam di surau atau masjid.

b. Tidak Menziarahi Pesakit atau Jenazah dari Kalangan Ahli Bidaah

Dalam *Bab al-Jana`iz*, juzuk 2, hlm. 65, al-Banjari berkata:

Transliterasi: dan tidak disunatkan mengunjungi orang ahli bidaah yang mungkar dan orang fasik, orang zalim dalam memungut pajak, baik beragama Islam atau bukan melainkan keluarga atau sejiran yang diharapkan bertaubat kerana dikunjungi maka sunat mengunjunginya (Asywadie, 2008, 1: 471).

Menurut adat dan budaya Melayu, menziarahi orang yang sakit daripada kalangan orang Islam sama ada daripada keluarga, jiran, sahabat atau kenalan adalah daripada perkara yang amat dianjurkan. Bahkan untuk menziarahi jenazah, istilah ringkas disebut orang baginya ialah ‘melawat’. Berhubung jenazah itu sebagai orang bidaah pada adatnya orang Melayu tetap pergi melawatnya selagi tidak diisyiharkan atau difatwakan bahawa jenazah orang bidaah itu mesti ditinggalkan.

Biasanya kes-kes pengurusan jenazah ahli bidaah yang pernah terjadi dalam masyarakat Melayu ialah datangnya ahli-ahli dari kumpulan bidaah ke rumah jenazah lalu merampas jenazah ahli bidaah untuk diuruskan sendiri oleh ahli-ahli mereka.

c. Tidak Menceritakan Petanda Baik pada Jenazah dari Kalangan Ahli Bidaah Menurut Pandangan Zahir

Al-Banjari menyebut pada *Bab al-Jana`iz*, Juzuk 2, hlm. 69:

Transliterasi: Sunat yang memandikan dan yang membantu memandikan adalah orang yang dipercaya. Kalau dilihat ada pada jenazah itu tanda yang baik umpamanya bau harum atau mukanya bersih atau tanda-tanda lain maka sunat menceritakannya kepada orang agar mendorong orang untuk lebih banyak mensolatkannya dan mendoakannya, tetapi kalau ia fasik atau ahli bidaah tidak sunat menceritakannya bahkan wajib menyembunyikannya agar orang lain tidak terpedaya. Dan kalau kelihatan pada jenazah itu tanda yang buruk seperti bau busuk, mukanya berwarna hitam atau rupanya berubah, haram menceritakannya kerana menceritakannya termasuk mengumpat terhadap jenazah yang tidak dapat dimaafkan terkecuali yang meninggal itu orang yang fasik dan ahli bidaah tidaklah haram menceritakannya agar orang menjauhi tariqat dan iktikadnya. (Asywadie, 2008, 1: 476)

Mengisahkan keadaan jenazah sama ada zahir padanya petanda baik atau petanda buruk sudah menjadi hal yang tidak asing lagi. Namun ia agak eksklusif kerana bukan setiap jenazah ada keadaan luar biasa. Namun tidak dinafikan bahawa beberapa kisah jenazah orang bidaah amat menarik perhatian untuk dijadikan iktibar. Semakin luar biasa keadaan jenazah itu semakin popular kisahnya. Lambakan himpunan cerita atau kisah jenazah luar biasa ini telah banyak yang bertukar menjadi tema dan kisah misteri dan seram dalam cerpen, novel dan drama filem Melayu. Semua ini sedikit sebanyak menggambarkan kepercayaan dan amalan masyarakat berkaitan adat kematian mereka.

d. Tidak Mbenarkan Ahli Bidaah Memandikan Jenazah Orang Islam

Al-Banjari menyebut pada *Bab al-Jana`iz*, Juzuk 2, hlm. 72:

Transliterasi: Syarat didahulukan dalam memandikan jenazah ada enam perkara: 1) hendaklah ia merdeka, 2) hendaklah ia Islam, 3) bukan pembunuh yang meninggal sekalipun pembunuhan yang

dibenarkan hukum, 4) bukan musuh yang meninggal, 5) bukan kanak-kanak dan 6) bukan orang fasik. (Asywadie, 2008, 2: 706)

Walaupun dalam kenyataan al-Banjari hanya dilarang jika tukang mandi mayat dari kalangan ahli fasik, maka tentu ahli bidaah yang terkenal dengan bidaahnya termasuk dalam pengertian ahli fasik ini. Adat dan budaya Melayu menjadikan soal memandikan mayat suatu yang dititikberatkan sejak lama. Hanya mereka yang mahir dan berpengalaman dalam kalangan ahli qaryah akan menguruskan soal memandikan jenazah Islam sekira keluarga jenazah tidak mampu memandikan atau sudah terbiasa sebagaimana berlakunya adat setempat dengan menyerahkan urusan tersebut kepada ahli-ahli pengurusan jenazah dan khairat kematian di surau-surau atau masjid-masjid setiap tempat sama ada kampung, taman perumahan atau bandar. Ini memberi erti bahawa keterlibatan ahli bidaah dalam urusan memandikan jenazah tidak akan terjadi dalam lingkungan masyarakat Melayu yang mengamalkan budaya seperti disebutkan.

e. Menyelamatkan Kubur dari Amalan Ahli Bidaah

Al-Banjari menyebut pada *Bab al-Jana`iz*, Juzuk 2, hlm. 85:

Transliterasi: Sunat meninggikan kuburan kira-kira sejengkal agar dapat dikenal oleh para penziarah dan agar tidak disia-siakan melainkan kalau mengubur di negeri tidak ada umat Islam atau di negeri ahli bidaah atau di tempat yang sering terjadi pencurian kain kafan, atau di negeri musuh, tidak disunatkan meninggikan kuburan tetapi harus diratakan agar tidak dikenal. (Asywadie, 2008, 2: 734)

Di antara hal yang termasuk menjaga kemaslahatan jenazah Islam dan keselamatan kuburnya ialah menjaga kuburnya dari dicerobohi atau dicemari dengan perlakuan maksiat atau bidaah. Umat Islam yang kematian saudara seagama perlu membuat pertimbangan dengan menilai suasana tempat dan keadaan jenazah saudara mereka akan dikuburkan. Hal ini adalah untuk sentiasa terselamat dari hal-hal buruk seperti akan dijadikan tempat pemujaan atau aktiviti khurafat dan syirik.

Perlakuan ahli bidaah sekitar kawasan kubur yang dijangka akan mencemarkan kehormatan kubur orang Islam seperti sangkaan ahli bidaah sesuatu kubur sebagai ‘keramat’ maka akan disajikan jamuan dan diadakan permohonan keselamatan dan seumpamanya di sisi keramat supaya dapat dihindari dengan meratakan kubur jenazah Islam tersebut agar tidak dapat dikenali meskipun pada asalnya disunatkan meninggikan tanah yang menimbulkan kubur sebanyak sejengkal.

f. Menyelamatkan Jenazah dari Dihina oleh Ahli Bidaah

Al-Banjari menyebut *Bab al-Jana`iz*, Juzuk 2, hlm. 83-84:

Transliterasi: Boleh memindahkan jenazah kerana darurat, umpamanya untuk menyembunyikan kuburannya, atau meninggal di negeri orang yang bukan Islam atau di negeri ahli bidaah kerana takut dibongkar dan dihinakan oleh mereka itu, atau kerana kuburan itu tenggelam ke dalam air boleh dipindahkan ke tempat yang kering sekalipun jauh. (Asywadie, 2008, 2:737)

Aspek di atas dalam konteks interaksi sosial dengan ahli bidaah ialah dengan berusaha menghindari mudarat perbuatan bidaah mereka ke atas jenazah seperti membongkar kubur dan menghinakan jenazah. Hal ini bermaksud usaha perlu dilakukan agar peluang tidak terbuka kepada ahli bidaah untuk merancang dan melaksanakan amalan bidaah keji mereka yang ke atas jenazah. Keselamatan kubur dan jenazah Islam sangat perlu dijaga.

g. Tidak Menerima Jemputan Ahli Bidaah

Al-Banjari menyatakan pada *Bab al-Jana`iz*, Juzuk 2, hlm. 87:

Transliterasi: Makruh lagi bidaah bagi yang kematian membuat makanan untuk dimakan oleh orang banyak baik sebelum maupun sesudah mengubur seperti yang kebiasaan dikerjakan oleh masyarakat. Makruh lagi bidaah menghadiri undangan itu dan haram menyediakan makanan untuk yang menangis dengan suara nyaring kerana yang seperti itu dapat membawa kepada kemaksiatan. Makruh lagi bid'ah

menyembelih binatang di atas kuburan dan tidak sah wasiat untuk memperbuat yang seperti itu dan menurut para ulama bahawa perbuatan yang seperti itu adalah perbuatan orang di masa Jahiliah. (Asywadie, 2008, 2:503)

Dalam konteks interaksi sosial dalam teks di atas, undangan ke kenduri arwah dari ahli bidaah tidak perlu diterima atau dipenuhi. Kenduri arwah yang dimaksudkan di sini adalah yang persis atau sama dengan yang diadakan di zaman jahiliah Arab. Oleh itu persoalan kenduri arwah dalam konteks budaya Malaysia dan Indonesia telah diperseleksi dalam masyarakat dengan begitu lama. Di zaman teknologi internet, banyak laman sesawang seperti blogs, facebook dan sebagainya membincangkan kedudukannya sebagai bidaah atau tidak. (Bahrushofa, 2006; Mohd Azrul Akhir, 2015; Mohd Asri Zainul Abidin, 2011; ReejalAriff, 2018). Dari kajian Mohd Aizam (2007) dan (2015) yang menjelaskan pendekatan JAKIM serta keputusan-keputusan fatwa dari beberapa institusi fatwa negeri antaranya Warta Kerajaan Negeri Selangor (2014) telah menetapkan kedudukan kenduri arwah dan bacaan tahlil di dalamnya sebagai khilafiah. Maka dalam ertikata lain, menghadirinya juga adalah termasuk dalam khilafiah yang diharuskan.

h. Tidak Melaksanakan Wasiat Ahli Bidaah

Al-Banjari menjelaskan dalam *Bab al-Jana`iz*, Juzuk 2, hlm. 87:

Transliterasi: Makruh lagi bidaah menyembelih binatang di atas kuburan dan tidak sah wasiat untuk memperbuat yang seperti itu dan menurut para ulama bahawa perbuatan yang seperti itu adalah perbuatan orang di masa Jahiliyyah. (Asywadie, 2: 742)

Wasiat simati untuk dilakukan bidaah untuknya seperti menyembelih korban di atas kuburnya adalah tidak boleh dilaksanakan sama sekali. Sebenarnya apa sahaja suruhan kepada kemungkaran seperti melakukan bidaah adalah tidak boleh dituruti atau ditaati sama ada orang yang menyuruh itu masih hidup atau sudah mati. Hal ini sama seperti disebutkan dengan wasiat dari jenis bidaah dari simati untuk dilakukan selepas kematiannya seperti mewasiatkan agar jasadnya ditanam bersama-sama kerandanya tanpa uzur yang dibenarkan dalam syarak. (Wizarah al-Awqaf al-Shu`uniyyah, 1983, 2: 119)

Jika diperhatikan kepada setiap satu dari lapan bentuk interaksi sosial yang diperoleh dari dapatan di atas dapatlah dikatakan dari sudut konsep interaksi sosial Islam beberapa hak sosial telah digugurkan dari ahli bidaah.

Bentuk interaksi sosial yang pertama adalah tidak dibenarkan kepada orang awam dan khususnya orang alim dari menjadikan ahli bidaah sebagai imam dalam solat jamaah. Keadaan ini menunjukkan kepada pelucutan hak imamah dari ahli bidaah tersebut. Solat jamaah mempunyai nilai sosial yang tinggi iaitu lambang kesatuan dan penyatuan masyarakat Islam. Maka ahli bidaah sehebat mana pun tetap tidak boleh diangkat sebagai kepala ibadah dalam Islam bahkan jika dirujuk kepada persoalan *imamah al-dunya* dalam bidang kepimpinan dan ketatanegaraan Islam tentu dapat difahami tentang kedudukan ahli bidaah yang tidak layak untuk dipercayai untuk memikul amanah dan tanggungjawab memimpin masyarakat dan negara.

Bentuk interaksi sosial kedua ialah tidak menziarahi pesakit atau jenazah dari kalangan ahli bidaah. Keadaan ini merupakan suatu lagi jenis pelucutan hak daripada ahli bidaah dalam konteks sosial. Menziarahi pesakit atau jenazah adalah termasuk dalam lima hak seorang muslim terhadap muslim yang lain seperti disebutkan dalam hadis hak muslim ke atas muslim yang lalu.

Dengan hilangnya hak ini, hak untuk merahmati mereka sebagai saudara seislam dalam komuniti sosial telah hilang bersamanya.

Bentuk interaksi sosial yang ketiga terhadap ahli bidaah ialah tidak menceritakan petanda baik pada jenazah dari kalangan ahli bidaah menurut pandangan zahir. Sementara dibolehkan untuk menceritakan yang petanda buruk jika ada sebagai pengajaran buat orang. Hal ini bukan sikap hipokrit dalam Islam tetapi dilakukan atas dasar kesedaran bahawa kita boleh terpedaya dengan hanya melihat petanda yang zahir. Barangkali ia hanya sebagai balasan baik atas beberapa kebaikan di dunia selain bidaahnya. Tafsiran lain mungkin boleh diterimakan jika bersesuaian. Keadaan ini menunjukkan kepada hilang hak perlindungan diri ahli bidaah dari disebarluaskan kecelaannya. Adalah menjadi tanggungjawab seorang muslim menjaga maruah saudara seislamnya sebagaimana dalam hadis Nabi S.A.W. Akan tetapi terhadap ahli bidaah ia sudah tiada lagi.

Bentuk interaksi sosial yang keempat terhadap ahli bidaah ialah tidak dibenarkan ahli bidaah memandikan jenazah orang Islam. Hak memandikan jenazah dapat diinterpretasikan sebagai hak kebaktian dalam memikul fardhu kifayah dalam sistem sosial masyarakat Islam. Dengan terlucutnya hak ini, ahli bidaah akan hilang harapan orang terhadapnya.

Bentuk interaksi sosial yang kelima terhadap ahli bidaah ialah menyelamatkan kubur muslim dari amalan ahli bidaah. Ahli bidaah hilang hak kebebasan bertindak mengamalkan kepercayaan sendiri seperti melakukan amalan bidaahnya di atas kubur atau perkarangan makam muslim yang dihormati. Maka apa saja upacara dan ritual yang menyalahi Islam adalah dilarang dari dilakukan di kubur orang Islam walaupun dengan niat memuliakan tuan kubur atau ingin menunjukkan simpati dan kesedihan atas kehilangan orang yang dikasihi.

Bentuk interaksi sosial yang keenam terhadap ahli bidaah ialah menyelamatkan jenazah dari dihina oleh ahli bidaah. Interaksi sosial di sini mempunyai natijah yang sama dengan interaksi sosial yang kelima di atas. Bahkan terhadap ahli bidaah yang bersifat fanatik dan ekstrem dengan bidaahnya tidak akan diberi peluang untuk menjayakan rancangan jahatnya. Umat Islam dianjurkan berhati-hati dengan mengambil langkah awal keselamatan walaupun terpaksa mengorbankan perkara sunat dalam mengebumikan mayat iaitu sunat meninggikan sedikit tanah kubur. Perkara sunat ini dilepaskan demi menjaga yang perkara wajib untuk dijaga iaitu keselamatan mayat di dalam kuburnya dari dicerobohi dengan dibongkar keluar mayatnya untuk dihina. Langkah seperti ini mungkin tidak terlintas di fikiran kerana di negara bukan Islam pun kubur orang Islam selamat tanpa pencerobohan. Namun dengan ahli bidaah mungkin pernah terjadi apabila wafatnya pendakwah Islam yang semasa hidupnya kuat menentang bidaah di negeri yang berada di bawah kuasa ahli bidaah yang fanatik dan ekstrem dan sangat membenci pendakwah tersebut.

Bentuk interaksi sosial yang ketujuh terhadap ahli bidaah ialah tidak menerima jemputan ahli bidaah ke majlis jamuan yang dipanggil wahsh atau kiffarah yang dibuat selepas pengkebumian jenazah sebagai mengingati simati. Majlis ini merupakan dari tradisi jahiliah Arab dengan diadakan tangisan dan ratapan beramai-ramai yang dimurkai Allah. Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, kenduri arwah yang teradat dalam masyarakat Melayu yang telah dipertikaikan kesyar'iannya atau dianggap bidaah oleh sebahagian orang adalah telah diputuskan sebagai perkara khilafiah di JAKIM dan beberapa institut fatwa Malaysia. Maka tindakan seperti tidak memenuhi undangan ke kenduri arwah hari ini dalam konteks budaya masyarakat Melayu Malaysia masih tidak sesuai untuk dimasukkan dalam maksud interaksi sosial ketujuh oleh al-Banjari. Bagaimanapun oleh kerana jamuan kenduri arwah hanyalah diadatkan maka tidak perlu disulitkan keadaan dengan mewajibkan kehadiran ke kenduri tersebut jika tiada uzur. Namun dari sudut adab dan adat berkeluarga, berjiran, berkampung dan berkawan, adalah dipandang tidak manis jika jamuan kenduri seperti ini tidak dipenuhi dengan sengaja. Pada dasarnya, bagi setiap undangan dari seorang kepada muslim lain ke majlis jamuan kenduri apapun jika wujud anasir bidaah di dalamnya maka tidak boleh untuk orang yang beriman dari menyertainya. Dengan ini hak sosial ahli bidaah dalam masyarakat akan terlucut kerana orang muslim lain tidak dibenarkan menghadiri jemputannya.

Bentuk interaksi sosial yang kelapan terhadap ahli bidaah ialah dan tidak dilaksanakan wasiatnya selepas dia meninggal sekiranya wasiatnya untuk melakukan perkara bidaah. Interaksi sosial seperti ini meluputkan hak kesetiaan dan ketaatan waris dalam menunaikan permintaan wasiat yang bercanggah dengan syarak. Hal ini menunjukkan kepada hilang kehormatan terhadap wasiat seperti itu sedangkan selama ini masyarakat menganggap wasiat terakhir seseorang sebagai suatu yang perlu dihormati.

Sebagai akhirnya, beberapa keadaan di atas mungkin sahaja berlaku kepada mereka yang bukan terkenal sebagai ahli bidaah tetapi memiliki beberapa amalan hasil dari bertaqlid kepada ahli bidaah. Pertimbangan dari ahli ilmu yang diiktiraf kefaqihannya perlu dirujuk dalam memilih bentuk interaksi sosial yang selamat dan jauh dari fitnah dan menambahkan keburukan.

6. Kesimpulan

Bentuk-bentuk interaksi sosial dengan ahli bidaah yang terhasil dari kajian adalah tidak berimamkan kepada ahli bidaah dalam solat jamaah, tidak menziarahi pesakit atau jenazah dari kalangan ahli bidaah, tidak menceritakan perihal jenazah dari kalangan ahli bidaah yang nampak baik pada pandangan zahir, tidak membenarkan ahli bidaah memandikan jenazah orang Islam, menyelamatkan kubur dari amalan ahli bidaah, menyelamatkan jenazah dari dihina oleh ahli bidaah, tidak menerima jemputan ahli bidaah dan tidak melaksanakan wasiat ahli bidaah.

Dari setiap bentuk interaksi sosial di atas terlihat pelbagai hak sosial ahli bidaah digugurkan antaranya seperti hak imamah dalam solat jamaah, hak muslim ke atas muslim lain, hak menjaga kerahsiaan muslim, hak kebaktian sosial, hak kebebasan bertindak mengamalkan kepercayaan diri dan hak kesetiaan waris terhadap wasiatnya dan hak dihormati wasiatnya.

Penghargaan: Penyelidikan ini dijalankan di bawah Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2016-022).

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdul Basit. 2010. Konsep bidaah tradisi memberi ‘Sasagen’ dalam Kitab *Tuhfat Al-Raghabin Fi Bayan Haqiqat Iman Al-Mu’minin wa ma Yufsiduh Min Riddat Al-Murtaddin* karya Syeikh Muhammad Arshad Al-Banjari (1122-1227 H/1711-1812 M) (*Tahqiq wa Dirasah*) (Tesis, UIN Sunan Kalijaga, Indonesia).
- Al-Durar al-Saniyyah, marja’ ilmi muwaththaq ‘ala manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah.* 1441H. Mu’assasah al-Durar al-Tsaniyyah. www.dorar.net
- Bahrusshofa. 2006. Ilmu itu dengan belajar. <https://bahrusshofa.blogspot.com/2006/01/ilmu-itu-dengan-belajar.html> [16 Disember 2020]
- Mohd Aizam bin Mas’od. 2007. Bid’ah Antara Dua Pendekatan. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Volume 20, 23-43.
- Mohd Aizam bin Mas’od. 2015. *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Cet. Ke-2, Putrajaya: JAKIM.
- Mohd Asri Zainul Abidin. 2011. Hukum Kenduri Arwah. www.drmaza.com; <http://wahabi-islamtuken.blogspot.com/2011/08/hukum-kenduri-arwah.html>; <https://mforum1.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=797676&extra=&ordertype=1&mobile=2> {16 Disember 2020}
- Mohd Azrul Akhir. 2015. Hukum Berkumpul/Majlis Tahlil (Arwah) Mengikut Pandangan Ulama Nusantara. https://www.facebook.com/notes/mohd-azrul-akhir/hukum-berkumpulmajlis-tahlil-arwah-mengikut-pandangan-ulama-nusantara/_873152126089620/ [16 Disember 2020]
- Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2015. Pemikiran al-Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2019. Isu Membidaahkan Amalan Masyarakat Melayu: Analisis Wacana Media Massa, *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 35(2) 2019: 68-86.
- Muhammad Arsyad al-Banjari. 2008. *Kitab Sabilal Muhtadin I & II*, disalin oleh Asywadie Syukur Lc. Surabaya: pt.bina ilmu.
- Muhammad Arsyad al-Banjari. t.th. *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din*. Fatani: Matba’ah Bin Halabi.
- Negeri Selangor Warta Kerajaan. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Fatwa Di Bawah Seskyen 47. 2014. Fatwa Menangani Persoalan Bid’ah Dalam Masalah Ikhtilaf/Khilaf Perkara Furu’. Jil. 67. No. 16.
- ReejalAriff. 2018. Hukum Mengadakan Kenduri Arwah Mengikut Kitab-Kitab Klasik. <http://reejalariff.blogspot.com/2018/08/hukum-mengadakan-kenduri-arwah-menurut.html> [16 Disember 2020]
- Soerjono Soekanto. Sosiologi suatu pengantar. 2012. Jakarta: PT Rajawali Pers.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Shu’un al-Islamiyyah-Kuwait. 1983. *Al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah*. Juzuk 2, Cetakan Ke-2, Dar al-Salasil: Kuwait.